



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)

www.ijlgc.com



**PENILAIAN FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI
PERALIHAN KOMUNITI KE ARAH KEHIDUPAN NORMA
BAHARU**

*AN EXAMINATION OF THE FACTORS SHAPING COMMUNITY ADAPTATION
TO A NEW NORM OF LIFE*

Nurkaliza Khalid^{1*}, Nor 'Adha Ab Hamid², Norziah Othman³, Nur Zulfah Md Abdul Salam⁴, Mohd Farok Mat Nor⁵, Muhammad Naqib Sahrani⁶

¹ Fakulti Multimedia Kreatif & Komputeran (FMKK), Universiti Islam Selangor (UIS)

Email: nurkaliza@uis.edu.my

² Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Islam Selangor (UIS)

Email: noradha@uis.edu.my

³ Fakulti Ekonomi, Perakaunan & Pengurusan, Universiti Islam Selangor (UIS)

Email: norziah@uis.edu.my

⁴ Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Islam Selangor (UIS)

Email: nurzulfah@uis.edu.my

⁵ Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Islam Selangor (UIS)

Email: mohdfarok@uis.edu.my

⁶ Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, Malaysia

Email: naqib.law@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 19.01.2025

Revised date: 12.02.2025

Accepted date: 10.03.2025

Published date: 25.03.2025

To cite this document:

Khalid, N., Ab Hamid, N., Othman, N., Salam, N. Z. M. A., Mat Nor, M. F., & Sahrani, M. N. (2025). Penilaian Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Peralihan Komuniti Ke Arah Kehidupan Norma Baharu. *International Journal of Law,*

Abstrak:

Tahun 2022 dianggap sebagai tahun peralihan bagi Malaysia, iaitu peralihan dari pandemik Covid-19 ke endemik. Peralihan ini bukan sahaja memberi impak kepada individu, malah turut menguji ketahanan institusi keluarga dan komuniti. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi komuniti dalam menghadapi perubahan ke arah kehidupan norma baharu melalui analisis faktor. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat lapan faktor utama yang mempengaruhi komuniti, iaitu hubungan kekeluargaan, hubungan ekonomi, hubungan kesihatan, hubungan keselamatan, hubungan komuniti, hubungan kerohanian, hubungan persekitaran, dan hubungan teknologi komunikasi. Kesemua faktor ini menunjukkan bahawa norma baharu membawa cabaran yang unik kepada komuniti. Oleh itu, penekanan terhadap semua faktor ini adalah penting dalam merangka strategi bersepadu untuk memperkasakan komuniti dalam menghadapi norma baharu.

Government and Communication, 10
(39), 246-254.

DOI: 10.35631/IJLGC.1039016

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Kata Kunci:

COVID-19; Endemik; Komuniti; Norma Baharu.

Abstract:

The year 2022 is regarded as a transition year for Malaysia, marking the shift from the Covid-19 pandemic to an endemic phase. This transition has not only impacted individuals but has also tested the resilience of family and community institutions. This study aims to identify the factors influencing communities in adapting to the changes towards a new normal through factor analysis. The findings of the study reveal that there are eight key factors that influence the community: family relationships, economic relationships, health relationships, safety relationships, community relationships, spiritual relationships, environmental relationships, and communication technology relationships. All these factors indicate that the new normal brings unique challenges to the community. Therefore, emphasizing all these factors is crucial in formulating an integrated strategy to empower the community in adapting to the new normal.

Keywords:

COVID-19; Endemic; Community; New Norms.

Introduction

Novel Coronavirus (2019-nCoV) atau Covid-19 adalah virus yang muncul empat tahun yang lepas. Virus ini telah menjangkiti hampir kesemua manusia di seluruh dunia. Rentetan daripada itu, Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengumumkan Covid-19 sebagai wabak pandemik yang global kerana kadar jangkitan Covid-19 yang sangat tinggi (World Health Organization, 2020). Proses penyesuaian diri semasa dan selepas wabak pandemik bukanlah sesuatu yang mudah dengan pelbagai Standard Operating Procedure (SOP) baharu yang diperkenalkan oleh kerajaan.

Pembukaan semula aktiviti ekonomi dalam Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada Ogos 2021 merupakan permulaan untuk masyarakat kembali kepada gaya hidup normal bagi menyeimbangi keperluan ekonomi dan keperluan kesihatan awam. Rentetan pembukaan semula aktiviti ekonomi tersebut, Malaysia telah mengisytiharkan peralihan ke fasa endemik pada 1 April 2022.

Semenjak pandemik Covid-19 melanda, komuniti setempat di Malaysia telah dan masih melalui fasa penyesuaian diri dengan 'norma baharu' yang sekaligus memerlukan perubahan cara hidup dengan begitu mendadak. Budaya kehidupan baharu yang sangat asing daripada masa sebelum kewujudan pandemik memaksa komuniti setempat untuk beradaptasi bagi menghadapi peningkatan tuntutan kehidupan norma baharu pasca pandemik ke atas komuniti. Bagaimanapun, proses penyelarasan cara hidup ini mampu mencetuskan pelbagai cabaran daripada aspek ekonomi, sosial, emosi dan kesihatan. Justeru, norma baharu hakikatnya memberi kesan kepada kehidupan seharian dalam pelbagai aspek (Abdul Aziz, 2020). Maka, kajian ini dijalankan bagi menganalisis ciri-ciri bagi penerapan budaya kehidupan norma baharu dalam kalangan komuniti di Malaysia yang semuanya bertujuan untuk mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berdaya saing.

Kajian Literatur

Norma Baharu Pasca Pandemik Covid-19

Norma baharu adalah terma bagi penguatkuasaan undang-undang yang diperkenalkan untuk mengekang penularan wabak Covid-19 (Harun et al., 2021). Justeru itu, Harun et al.(2020) menerangkan bahawa perubahan sosial yang berlaku dianggap sebagai uruf baharu yang perlu dipatuhi oleh komuniti walaupun perubahan sosial tersebut seolah-olah mendatangkan kemudharatan mahupun kesulitan untuk mempraktikkannya. Ini adalah kerana uruf baharu tersebut adalah bertujuan bagi menjamin kemaslahatan dalam kalangan komuniti bagi membendung penularan wabak pandemik.

Menurut Mochammad Sahid et al.(2020), norma baharu adalah kesan yang terhasil daripada kejadian pandemik Covid-19. Manakala, Dewan Bahasa dan Pustaka pula mengistilahkan norma baharu sebagai peraturan baharu yang diterima atau diguna pakai oleh komuniti disebabkan berlakunya sesuatu perkara seperti pandemik penyakit berjangkit (Berita Harian, 2021).

Setiap benda hidup di muka bumi melalui proses penyesuaian dan adaptasi untuk memenuhi keperluan, mencapai kesejahteraan diri dan keamanan sejagat serta membantu makhluk untuk mencapai keperluan diri dan persekitaran untuk kelangsungan hidup (Abdul Aziz, 2020). Walaupun begitu, menurut Abdul Aziz (2020) lagi, penyesuaian diri juga membawa kepada gangguan psikologi seperti tekanan, kebimbangan, murung, cemas, gagal mengawal kemarahan, kecelaruan minda dan masalah tingkah laku sekiranya tidak diurus dengan baik. Jelas bahawa impak penyesuaian sendiri yang baik dalam norma baharu adalah terhasil berdasarkan beberapa faktor (Abdul Aziz, 2020; Mochammad Sahid et al., 2020).

Norma Baharu Melalui Perspektif Kesejahteraan

Menurut kajian oleh Mohamad Zan et al. (2016), kesejahteraan adalah ditakrifkan sebagai perasaan bebas daripada tekanan, rasa gembira mengatasi rasa sedih dalam jangka masa panjang, perasaan positif dengan kehidupan dan memperoleh apa yang diinginkan seiring dengan matlamat. Ia juga merupakan satu bentuk pengukuran kualiti hidup yang diukur secara psikologi atau dalaman yang melibatkan beberapa dimensi seperti kegembiraan, kepuasan hidup, harga diri, kecekapan diri, kehidupan berkeluarga, pekerjaan, pendidikan dan kewangan.

Kajian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2021 mendapati bahawa dalam indeks subkomposit kesejahteraan ekonomi, didapati empat komponen mencatatkan peningkatan iaitu pendapatan dan pengagihan (2.4%), komunikasi (1.3%), pendidikan (1.2%) dan pekerjaan (1.1%). Sementara itu, komponen pengangkutan menurun sebanyak 1.1%. Enam komponen dalam indeks subkomposit kesejahteraan sosial meningkat iaitu tadbir urus (6.8%), budaya(6.4%), keselamatan awam (3.4%), alam sekitar (2.7%), keluarga (1.2%) dan perumahan (1.0%). Sebaliknya, komponen hiburan dan rekreasi menurun sebanyak 4.8%, diikuti oleh kesihatan (-1.8%) dan penyertaan sosial (-1.4%). Morris et al. (2015) pula telah mengintegrasikan fahaman norma sosial dan kesannya terhadap dinamik budaya dalam kajiannya.

Manakala, Saladino et al. (2020) menyatakan bahawa pandemik Covid-19 telah menjejaskan kesejahteraan awam dari sudut psikologi dan sosial. Hasil kajian mereka mendapati, kesan daripada penjarakan sosial dan pengasingan diri (*self-quarantine*) secara tidak langsung menjejaskan kesihatan mental seperti kebimbangan yang melampau, kemurungan, dan

gangguan tekanan selepas trauma (*PTSD*). Oleh yang demikian, suatu usaha dan pencegahan awal perlu dilaksanakan bagi mengurangkan kesan dalam jangka masa panjang terhadap isu kesihatan mental. Xu Lin et al. (2021) dalam laporan kajian mereka pula mendapati kesan pandemik Covid-19 di negara China secara tidak langsung menjejaskan sektor ekonomi, masyarakat dan gaya hidup rakyat di China sehingga terpaksa mengamalkan gaya hidup norma baharu. Justeru, kerajaan China menyarankan agar rakyat China mengambil langkah proaktif dengan menyesuaikan diri terhadap perubahan yang berlaku, serta mengadaptasikan perdagangan serta kerja secara jarak jauh. Hasilnya, tahap kebahagiaan dalam kalangan orang awam di China kekal seperti sebelum wabak pandemik COVID-19. Namun begitu, kesan ketara yang dapat dirasakan dari sudut ekonomi dan sosial serta norma baharu selepas pandemik berisiko mendorong kepada permasalahan psikologi. Kesemua, sorotan menunjukkan bahawa terdapat pelbagai faktor yang dapat mempengaruhi kehidupan komuniti.

Indeks Kesejahteraan Malaysia

Konsep kesejahteraan hidup digunakan oleh pihak pentadbiran Malaysia bermula pada tahun 2013 bagi menggantikan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) yang menggunakan konsep kualiti hidup (Nadira et al., 2015). Menurut Md. Ali et al. (2021), IKHM digunakan sebagai petunjuk bagi memahami perubahan dan kemajuan kualiti hidup rakyat yang merangkumi aspek fizikal, sosial, ekonomi dan psikologi.

Manakala, kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) dilaksanakan buat pertama kalinya oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pada tahun 2011. Pembentukan IKK 2011 merupakan kayu pengukur kepada tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia yang mengambil kira tujuh domain utama iaitu hubungan kekeluargaan, ekonomi keluarga, kesihatan keluarga, keselamatan keluarga, keluarga dan komuniti, keluarga dan agama/kerohanian serta perumahan dan persekitaran. IKK 2011 menjadi asas pembentukan siri kedua kajian iaitu IKK 2016 yang merangkumi domain-domain yang sama dengan tambahan domain keluarga dan teknologi komunikasi (Laporan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2019, 2019).

Kemunculan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) 2013 adalah merupakan rentetan daripada Indeks Kualiti Hidup Malaysia yang dibuat sejak tahun 2000 hingga 2012 (Md. Ali et al. (2021). Fokus IKRM adalah kepada skop yang lebih luas agar merangkumi aspek kesejahteraan yang lain. Malahan, indeks ini menjadi penanda aras dalam penggubalan dasar dan program ke arah Malaysia mencapai negara maju berpendapatan tinggi yang inklusif dan mampan. IKRM meliputi lima komponen ekonomi iaitu pengangkutan, komunikasi, pendidikan, pendapatan dan pengagihan serta persekitaran kerja. Manakala terdapat sembilan komponen sosial iaitu perumahan, hiburan dan rekreasi, keselamatan awam, penyertaan sosial, tadbir urus, kebudayaan, kesihatan, alam sekitar dan keluarga. Bagaimanapun, tiada indikator agama dimasukkan dalam kajian IKHM dan IKRM memandangkan ia dilakukan terhadap rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

Metodologi Kajian

Analisis faktor yang dijalankan dalam kajian ini adalah sebahagian daripada fasa kuantitatif dalam kajian *Mix Methods Research* (MMR). Secara keseluruhan, fasa kuantitatif melibatkan analisis deskriptif, korelasi dan akhirnya analisis faktor. Analisis data dijalankan menggunakan *Exploratory Faktor Analysis* (EFA) yang merujuk kepada tiga peringkat (Chua, 2009) iaitu mengenal pasti korelasi antara faktor, mengekstrak faktor, dan memutar faktor.

Kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan iaitu ketua keluarga yang menjawab soal selidik di seluruh Malaysia dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan responden dibuat kerana responden terlibat dapat membekalkan maklumat yang berguna mewakili komuniti dan dapat memberi input untuk memahami persoalan kajian (Creswell, 2008). Akhirnya, daripada 700 set soal selidik yang diedarkan, sejumlah 653 set (93.2%) dikembalikan dengan 47 set (6.8 %) tidak dijawab sepenuhnya. Secara keseluruhan, jumlah borang soal selidik yang digunakan untuk EFA adalah mencukupi iaitu berjumlah 653 set (93.2%) (Chua, 2014).

Instrumen Kajian

Terdapat dua bahagian di dalam instrumen kajian soal selidik ini iaitu profil ketua keluarga (Bahagian A) dan konstruk faktor kehidupan norma baharu pasca pandemik Covid-19 (Bahagian B). Ringkasan senarai konstruk dan bilangan item yang dipilih dapat dilihat dari Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Konstruk dan Bilangan Item

Bahagian	Konstruk	Bilangan Item
A	Profil Ketua Keluarga	13
B	Hubungan Kekeluargaan	4
	Hubungan Ekonomi	4
	Hubungan Kesihatan	12
	Hubungan Keselamatan	5
	Hubungan Komuniti	5
	Hubungan Kerohanian	3
	Hubungan Persekitaran	8
	Hubungan Teknologi Komunikasi	3

O'Rourke & Hatcher (2013) dan Chua (2014) membahaskan bahawa jumlah sampel yang disyorkan untuk EFA adalah sekurang-kurangnya lima kali jumlah item. Kajian ini mempunyai 44 item maka jumlah sampel yang diperlukan adalah 220 (44×5). Namun, untuk mengelakkan masalah pengembalian soal selidik yang rendah, ukuran sampel yang lebih besar perlu ditentukan. Secara keseluruhan, jumlah borang soal selidik yang digunakan untuk EFA adalah mencukupi (Chua, 2014). Tambahan lagi, semua konstruk yang dianalisis telah memperoleh nilai alpha Cronbach yang melebihi 0.69 yang dianggap sebagai tinggi (Pallant, 2010) dan menunjukkan konstruk mempunyai konsistensi dalaman yang baik (Hair et al., 2019).

Hasil Kajian

Analisis dilakukan menggunakan EFA dengan merujuk indeks kesesuaian yang dicadangkan oleh Hair et al. (2019). Bagi mengenal pasti korelasi antara item, nilai r mesti lebih kecil daripada 0.90 ($r < 0.90$). Jika nilai r lebih besar daripada 0.90, item tidak mencapai kesahan diskriminasi dan mengalami masalah multikolineariti.

Seterusnya, bagi operasi pengekstrakan faktor, nilai komunaliti bagi setiap item bagi sampel melebihi 200 mesti melebihi 0.40, manakala nilai KMO mesti melebihi 0.60 ($KMO > 0.60$) dengan nilai KMO di atas 0.90 berada pada tahap terbaik (Ismail et al., 2016) dan Ujian Kekuatan Bartlett adalah signifikan pada $p < 0.05$. Selanjutnya, konstruk ditentukan berdasarkan nilai eigen yang lebih besar daripada satu (Ramlee et al., 2016). Operasi pemutaran faktor dilaksanakan melalui putaran Varimax dengan nilai faktor muatan

melebihi 0.50 (Field, 2005). Akhirnya, instrumen diuji sekali lagi dengan Ujian Konsistensi Dalam.

Nilai matriks korelasi antara item untuk instrumen soalselidik berada dalam lingkungan 0.10 hingga 0.78. Ini menunjukkan kesahan diskriminan dicapai dan item tidak mengalami masalah multikolineariti. Bagaimanapun, terdapat nilai komunaliti yang berada di bawah 0.40. Hasilnya, empat (4) item digugurkan daripada soal selidik.

Jadual 2 menunjukkan nilai pengukuran kecukupan pensampelan yang diperoleh berdasarkan Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) ialah 0.89 membuktikan bahawa data yang diperoleh sesuai untuk kajian lanjutan. Analisis faktor yang dilakukan juga mendapati bahawa nilai Ujian Kekuatan Bartlett (*Bartlett's Test of Sphericity*) untuk konstruk ini adalah signifikan dengan nilai $p = .000$. Ini menunjukkan adanya korelasi yang sesuai antara item yang digunakan untuk pembentukan faktor (Hair et al., 2019).

Jadual 2: Nilai KMO dan Ujian Bartlett

Kaiser-Meyer-Olkin Mengukur Kecukupan Persampelan		.893
Ujian Kekuatan Bartlett	<i>Approx. Chi-Square</i>	19540.13
	<i>df</i>	946
	<i>Sig.</i>	.000

Jadual 3 menunjukkan hasil keseluruhan varians yang dijelaskan untuk konstruk. Hasil analisis menunjukkan bahawa jumlah varians untuk mengukur konstruk adalah 65.275.

Jadual 3: Jumlah Varians Yang Dijelaskan

Jumlah Varians Yang Dijelaskan						
Komponen	Nilai Eigen Awal			Jumlah Putaran Muatan Kuasa Dua		
	Jumlah	% varians	Kumulatif	Jumlah	% varians	Kumulatif
1	12.533	28.529	28.529	5.055	11.488	11.488
2	3.794	8.622	37.151	4.234	9.623	21.111
3	3.079	6.997	44.148	4.221	9.593	30.704
4	2.425	5.511	49.660	3.914	8.895	39.599
5	2.060	4.682	54.341	3.160	7.182	46.781
6	1.743	3.962	58.304	3.085	7.012	53.793
7	1.640	3.728	62.032	2.766	6.286	60.079
8	1.427	3.243	65.275	2.286	5.196	65.275

Jumlah varians yang ditunjukkan lebih dari 50% menunjukkan bilangan komponen dan item yang sesuai untuk digunakan dalam kajian sebenar (Merenda, 1997). Dapatan analisis juga menunjukkan bahawa dari segi jumlah putaran beban kuasa dua, Faktor 1 menyumbang 11.488 peratus varians, Faktor 2 menyumbang 9.623 peratus varians, Faktor 3 menyumbang 9.593 peratus varians, Faktor 4 menyumbang 8.895 peratus varians, Faktor 5 menyumbang 7.182 peratus varians, Faktor 6 menyumbang 7.012 peratus varians, Faktor 7 menyumbang 6.286 peratus varians, dan Faktor 8 menyumbang 5.196 peratus varians.

Diakhir prosedur EFA, instrumen untuk soal selidik diwakili oleh lapan dimensi iaitu hubungan keluarga, hubungan ekonomi, hubungan kesihatan, hubungan keselamatan, hubungan komuniti, hubungan kerohanian, hubungan persekitaran dan hubungan teknologi komunikasi,

masing-masing dengan empat, empat, dua belas, lima, lima, tiga, lapan dan tiga item. Justeru, instrumen ini boleh digunakan untuk mengkaji faktor-faktor bagi menyokong kehidupan norma baharu pasca pandemik Covid-19.

Penentuan kebolehpercayaan dalam soal selidik dibuat dengan menggunakan pekali Alpha Cronbach (Coakes dan Steed, 2003) dan kebolehpercayaan setiap instrumen adalah berasaskan kepada konsistensi dalaman bagi pekali Alpha Cronbach (Pallant, 2010).

Jadual 4: Konstruk dan Pekali Alpha Cronbach

Bahagian	Konstruk	Pekali Alpha Cronbach
A	Profil Ketua Keluarga	-
B	Hubungan Kekeluargaan	0.864
	Hubungan Ekonomi	0.905
	Hubungan Kesihatan	0.886
	Hubungan Keselamatan	0.819
	Hubungan Komuniti	0.867
	Hubungan Kerohanian	0.716
	Hubungan Persekitaran	0.895
	Hubungan Teknologi Komunikasi	0.853
	Keseluruhan	0.939

Jadual 4 (di atas) menunjukkan skala interpretasi indeks kebolehpercayaan yang digunakan dalam kajian ini. Jadual tersebut menunjukkan bahawa kesemua konstruk memperoleh nilai pekali Alpha Cronbach yang melebihi 0.6 yang menunjukkan semua item soalan bagi konstruk kajian mempunyai ketekalan dalaman yang boleh diterima (Pallant, 2010).

Purata bagi keseluruhan konstruk kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 5 mendapati bahawa di antara kelapan-lapan konstruk yang dicadangkan untuk mengukur tahap kesejahteraan masyarakat di Malaysia, hubungan kekeluargaan menunjukkan purata secara keseluruhan yang tertinggi iaitu 4.3044 (s.p 0.8045) dan hubungan ekonomi mencatatkan purata secara keseluruhan yang terendah dengan nilai purata 3.5551 (s.p 1.0672).

Jadual 5: Purata dan Sisihan Piawai Bagi Keseluruhan Konstruk

Konstruk	Min	Sisihan Piawai
Hubungan Kekeluargaan	4.3044	0.8045
Hubungan Ekonomi	3.5551	1.0672
Hubungan Kesihatan	4.0064	0.8747
Hubungan Keselamatan	4.3011	0.7901
Hubungan Komuniti	3.8484	0.9673
Hubungan Kerohanian	3.8448	1.0542
Hubungan Persekitaran	3.8241	1.0567
Hubungan Teknologi Komunikasi	3.7203	1.0384
Keseluruhan	3.9256	0.9566

Kesimpulan

Pandemik Covid-19 telah memperkenalkan kehidupan norma baharu yang membawa perubahan yang jelas dalam pelbagai aspek kehidupan di Malaysia. Justeru, kajian ini telah berjaya menganalisis ciri-ciri bagi penerapan budaya kehidupan norma baharu dalam kalangan komuniti di Malaysia. Berdasarkan hasil kajian, konstruk hubungan kekeluargaan mencatatkan purata tertinggi yang menunjukkan bahawa aspek kekeluargaan mendapat perhatian dan kepentingan yang tinggi dalam kalangan masyarakat semasa pandemik. Ini mungkin disebabkan oleh peningkatan masa yang dihabiskan bersama keluarga akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan pelaksanaan bekerja dari rumah. Keadaan ini memupuk hubungan kekeluargaan yang lebih erat dan menyokong kesejahteraan emosi dan mental individu. Kehidupan norma baharu telah menggalakkan masyarakat untuk lebih menghargai nilai kekeluargaan, dengan aktiviti keluarga menjadi pusat utama dalam kehidupan harian.

Sebaliknya, konstruk hubungan ekonomi mencatatkan purata terendah yang menunjukkan bahawa pandemik telah memberi kesan negatif yang ketara terhadap kesejahteraan ekonomi masyarakat. Penutupan perniagaan, kehilangan pekerjaan, dan ketidakpastian ekonomi adalah antara cabaran utama yang dihadapi. Kehidupan norma baharu memperlihatkan perlunya strategi dan polisi ekonomi yang lebih fleksibel dan inklusif untuk membantu masyarakat mengatasi cabaran ini. Walaupun terdapat bantuan kewangan dari kerajaan, ramai yang masih berdepan dengan kesukaran ekonomi, menunjukkan bahawa langkah-langkah yang lebih berkesan dan menyeluruh diperlukan untuk memperbaiki kesejahteraan ekonomi rakyat.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebagai penyedia dana geran penyelidikan melalui FRGS 2022-1 KPT (Kod Projek: FRGS/1/2022/SS10/KUIS/03/1) yang membolehkan penulis menjalankan penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdul Aziz, A. R. (2020). PENYESUAIAN KENDIRI DALAMAN DAN LUARAN SEMASA NORMA BAHARU. FACULTY of LEADERSHIP & MANAGEMENT USIM. <https://fkip.usim.edu.my/wabak-covid-19-penyediaan-kendiri-terhadap-norma-baharu/>
- Ali, A. W. M., Chik, W. M. Y. W., Ramly, A. F., Mohdi, M. H. S., & Ghazalli, F. S. M. (2021). Indikator Kesejahteraan Keluarga Dalam Kajian Kontemporari Di Malaysia: Satu Perbandingan. *International Journal of Islamic Studies*, 21(1), 12–26.
- Berita Harian, (2021). PERMULAAN GAYA HIDUP NORMAL DENGAN NORMA BAHARU. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/851546/permulaan-gaya-hidup-normal-dengan-norma-baharu/>
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah Penyelidikan-Kaedah dan Statistik Penyelidikan-Buku 1*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah dan statistik penyelidikan buku 5: Ujian regresi, analisis faktor dan analisis SEM*. McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Coakes, S.J. & Steed, L.G. (2003). *SPSS: Analysis without anguish version 11.0 for Windows*. Singapore: John Willey & Sons.
- Coakes, S. J., & Steed, L. (2009). *SPSS: Analysis without anguish using SPSS version 14.0 for Windows*. John Wiley & Sons, Inc.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2008). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. Sage publications.

- Hair, F. J., Babin, B. J., Black, C. W., & Anderson, E. R. (2019). *Multivariate Data Analysis*. Cengage.
- Harun, M. S., Meerangi, K. A., Ibrahim, A. H., & Saiful Suhardi, M. S. (2021). Perubahan Sosial Semasa Wabak Covid-19 Dari Perspektif Uruf. *Journal of Human Capital Development*, 14(2), 41–60.
- Lin, X., Lin, Y., Hu, Z., Alias, H., & Wong, L. P. (2021). Practice of new normal lifestyles, economic and social disruption, and level of happiness among general public in China in the post-COVID-19 era. *Risk Management and Healthcare Policy*, 14, 3383–3393. doi:10.2147/RMHP.S320448
- Merenda, P. F. (1997). A guide to the proper use of factor analysis in the conduct and reporting of research: Pitfalls to avoid. *Measurement and Evaluation in Counseling and Development: The Official Publication of the Association for Measurement and Evaluation in Counseling and Development*, 30(3), 156–164. doi:10.1080/07481756.1997.12068936
- Mochammad Sahid, M., Hashim, H., & Amar, F. (2020). *Prinsip Keluarga Islam Mendepani Norma Baharu Semasa Pandemik COVID-19*. Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia, October, 194–206.
- Mohd Majid, K. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. In Siri pendidikan TA - TT. Dewan Bahasa dan Pustaka. <https://worldcat.org/title/949663376>
- Mohamad Zan, U. M. S., Mohd Noor, M., Wan Shahar, W. S. S., & Wan Hassin, W. S. (2016). Indeks Kesejahteraan Hidup Dalam Masyarakat Kepelbagaian: Kajian Dalam Kalangan Pelajar IPTA. *Proceeding of the 3rd International Conference on Management & Muamalah 2016 (3rd ICoMM)*, 2016(November), 299–304. <http://conference.kuis.edu.my/icomm/3rd/eproceedings/IC-028.pdf>
- Morris, M. W., Hong, Y., Chiu, C., & Liu, Z. (2015). Normology: Integrating insights about social norms to understand cultural dynamics. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 129(129), 1–13. <https://doi.org/10.1016/j.obhdp.2015.03.001>
- Nadira, S., Rozlan, A., Fauzi, R., & Mohamad, J. (2015). Membina Model Indeks kesejahteraan hidup penduduk bagi Constructing an Index Model of social well-being for Peninsular Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(4), 87–96.
- Orourke, N., & Hatcher, L. (2013). Factor Analysis and Structural Equation Modeling. *The Encyclopedia of Research Methods in Criminology and Criminal Justice*, 833–838.
- Pallant, J. (2020). *SPSS Survival Manual: A step by step guide to data analysis using ibm spss statistics*. Allen & Unwin.
- Saladino, V., Algeri, D., & Auriemma, V. (2020). The Psychological and Social Impact of Covid-19: New Perspectives of Well-Being. *Frontiers in Psychology*, 11(577684), 1–6. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2020.577684>.
- World Health Organization. (2020). WHO DIRECTOR-GENERAL’S OEPNING REMARKS AT THE MEDIA BRIEFING ON COVID-19. <https://www.who.int/director-general/speeches/detail/who-director-general-s-opening-remarks-at-the-media-briefing>